



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN

## **KAJIAN SIKAP PENGUNDI ATAS PAGAR : TINJAUAN TERHADAP PENGUNDI DI NEGERI KELANTAN**

*Oleh:*

**PROF MADYA ZULKARNAIN YUSOFF**

**MUHAMMAD SHUKRI SALLEH**

**MOHD ZAHARI YUSOFF**

**NIK ROZHAN NIK ISMAIL**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

*Untuk:*

**BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI KELANTAN  
DAN  
BIRO TATANEGARA NEGERI KELANTAN**

*Januari 2004*

## PRAKATA

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayah-Nya projek penyelidikan yang bertajuk," Kajian Sikap Pengundi Atas Pagar". telah dapat disiapkan dengan sempurna. Hasil penyelidikan ini diharap dapat memberi manfaat kepada para penyelidik khususnya, dan semua pihak yang berkaitan amnya seperti Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan , Biro Tatanegara Cawangan Kelantan dan UiTM Machang, Kelantan.

Penyelidikan merupakan satu bidang yang penting dalam apa jua lapangan hidup sama ada dari aspek politik,ekonomi,social,pendidikan dan sebagainya. Program pembangunan minda masyarakat perlu dilaksanakan berpandukan penyelidikan atau kajian. Ini kerana kejayaannya bergantung kepada sejauh mana kita dapat menepati sasaran dalam pelaksaaan program tersebut.

Dalam konteks pembangunan politik, khususnya di Kelantan, usaha seperti ini merupakan satu ikhtiar yang diharapkan dapat membantu kerajaan untuk mendapat maklumat yang benar tentang minda masyarakat Kelantan. Kepada Allah s.w.t jua kami mohon diberi kekuatan,keazaman dan semangat untuk meneruskan lagi usaha yang murni ini pada masa yang akan datang bagi mencernakan lagi kecemerlangan dunia akademik dan penyelidikan

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, kami para penyelidik telah dapat melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan jayanya dia atas tajuk, "Kajian sikap Pengundi Atas Pagar". Oleh yang demikian, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg. Dato Mustafa Muhamad, Pengurus Eksekutif Majlis Tindakan ekonomi Negara (MTEN) yang juga Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan di atas kepercayaan yang diberikan kepada kami.

Terima kasih juga kami tujukan kepada Tuan Hj. Kamruddin Mohd Noor, Ketua UMNO Bahagian Pasir Puteh kerana nasihat, dorongan serta sokongan beliau sehingga projek Penyelidikan ini berjaya dilaksanakan. Juga terima kasih kepada Tuan Pengarah Biro Tatangera Negeri Kelantan En Yasim Mat Saat atas sokongan dan bantuan beliau.

Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato Prof. Madya Dr. Hussin Ab. Rahman, Pengarah Uitm Kampus Machang di atas sokongan dan bantuan beliau dalam menggunakan kemudahan di Uitm. Terima kasih juga ditujukan kepada semua para pelajar yang terlibat sebagai pembantu penyelidik dan juga kepada semua responden kajian.

Semoga Allah S.W.T akan membalas jasa baik dan budi mereka. Terima Kasih.

## **KAJIAN SIKAP PENGUNDI ATAS PAGAR**

### **1. 0 PENDAHULUAN**

Kelantan adalah sebuah negeri yang unik di semenanjung Malaysia. Ianya dapat dilihat dari pelbagai aspek seperti politik, ekonomi dan agama. Kelantan mempunyai keluasan 1.5 juta hektar dan berdasarkan kepada bancian tahun 2000 menunjukkan penduduk Kelantan ialah 1484000 orang. Daripada jumlah itu, komposisi penduduk ialah 93.5% Melayu, 3.7% Cina, 0.3% India dan 2.5% Bumiputera bukan Islam.

Bermula dengan pilihanraya 1955, Kelantan telah bertukar pentadbiran Kerajaan Negeri sebanyak 7 kali pilihanraya dalam tempoh 46 tahun Kemerdekaan negara hari ini. Ia diperintah oleh PAS selama 32 tahun, manakala UMNO memerintah selama 14 tahun. Justeru itu kajian tentang sikap pengundi atas pagar di Kelantan amat penting dalam memahami realiti ini.

### **2. 0 TUJUAN**

Kajian ini dicadangkan untuk melihat faktor yang melahirkan perubahan sikap pengundi atas pagar Kelantan, apakah ianya faktor agama, ekonomi dan kepimpinan atau lain-lain isu tambahan.

### **3.0 OBJEKTIF**

Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- 3.1 Untuk memahami sikap pengundi atas pagar di Kelantan
- 3.2 Untuk mengenalpasti kecenderungan sikap dan pegangan politik pengundi atas pagar di Kelantan
- 3.3 Untuk membantu Kerajaan persekutuan dan UMNO dalam menangani isu politik negeri Kelantan

### **4. 0 KEPENTINGAN KAJIAN**

- 4.1 Kajian ini penting untuk mempastikan tindakan dan dasar yang dilaksanakan menepati kehendak dan aspirasi rakyat berdasarkan sumber maklumat yang utama(primary sources) hasil daripada kajian yang dilaksanakan ini.
- 4.2 Dapatan kajian akan dijadikan bahan gerakan pilihanraya ke-11 yang akan datang.

### **5. 0 SKOP KAJIAN**

- 5.1 Penyelidikan ini akan dijalankan keatas penduduk negeri Kelantan. Populasi kaji selidik diambil daripada laporan Ketua UMNO bahagian masing-masing yang terlibat .
- 5.2 Kajian ini akan ditumpukan kepada 4 kawasan Parlimen iaitu Parlimen Pasir Puteh,Bachok,Jeli dan Kota Bharu. Ianya mewakili kepelbagaiannya sikap pengundi.
- 5.3 Fokus akan diberikan kepada pengundi atas pagar. Ini adalah kerana pengalaman lepas mereka menentukan keputusan pilihanraya.